

Headline	Universiti Utara Malaysia pohon status bebas cukai		
Date	02 Jan 2011	Language	Malay
MediaTitle	Mingguan Malaysia	Page No	20
Section	Dim Negeri	Article Size	179 cm ²
Journalist	N/A	Color	Full Color
Frequency	Daily	ADValue	4,010
Circ / Read	459,793 / 1,854,000	PRValue	12,030



Universiti Utara Malaysia pohon status bebas cukai

KUBANG PASU 1 Jan. – Universiti Utara Malaysia (UUM) akan memohon agar kerajaan mengurniakan status Zon Bebas Cukai kepada kampus utamanya di Sintok, dekat sini.

Naib Canselornya, Prof. Dr. Mohamed Mustafa Ishak berkata, taraf bebas cukai itu penting kerana ia akan membantu usaha UUM untuk menjadi sebuah universiti pengurusan bertaraf antarabangsa yang bakal menarik ramai sarjana dan pelajar dari seluruh dunia.

Katanya, universiti itu percaya, status tersebut akan memberikan kesan yang kuat kepada UUM di samping nilai tambah yang lain seperti limpahan ekonomi kepada penduduk di sekitar Sintok.

Beliau berkata, dari segi kewangan, pertumbuhan perniagaan bagi kampus utama seluas 1,061 hektar berdasarkan kepada status bebas cukai itu akan membantu menjana kekayaan bagi universiti tersebut.

Sebagai contoh, katanya, di Langkawi yang menikmati taraf bebas cukai, penjualan coklat sahaja telah mencatatkan keuntungan sehingga RM60 juta setahun.

“Berdoalah semoga usaha kita ini berjaya dan mendapat restu kerajaan,” katanya ketika menyampaikan Amanat Tahun Baru 2011 Naib Canselor UUM

di Dewan Mu'adzam Shah, UUM di sini hari ini.

Kira-kira 3,000 kakitangan UUM hadir pada majlis tersebut.

Mohamed Mustafa menegaskan, walaupun bertaraf bebas cukai, ia tidak akan terbabit dalam menjual alkohol dan rokok kerana tidak ada sebarang keperluan untuk berbuat demikian.

Beliau memberitahu, kertas cadangan mengenai permohonan itu sedang disiapkan dan akan dikemukakan kepada Kementerian Pengajian Tinggi untuk mendapat sokongan sebelum dibawa kepada Kabinet untuk kelulusan.

“Kami berharap permohonan ini akan diluluskan pada tahun ini,” ujarnya.

Sempena amanatnya hari ini, Mohamed Mustafa turut melancarkan Pelan Transformasi UUM dengan matlamat untuk menjadikan UUM sebagai sebuah universiti pengurusan terkemuka dan universiti penyelidikan dalam bidang pengurusan dan sains sosial.

Beliau berkata, pelan transformasi itu yang meliputi tempoh 10 tahun dibahagikan kepada dua fasa dengan fasa pertama bermula tahun ini hingga 2015.

Jelasnya, tumpuan fasa pertama ialah untuk meletakkan UUM di peta

Headline	Universiti Utara Malaysia pohon status bebas cukai		
Date	02 Jan 2011	Language	Malay
MediaTitle	Mingguan Malaysia	Page No	20
Section	Dlm Negeri	Article Size	179 cm²
Journalist	N/A	Color	Full Color
Frequency	Daily	ADValue	4,010
Circ / Read	459,793 / 1,854,000	PRValue	12,030

akademik tempatan dengan fasa kedua yang berakhir pada 2020 akan meletakkan universiti itu di peta akademik antarabangsa.

Untuk itu, tambahnya, sebanyak empat teras strategi akan dilaksanakan bagi menjayakan fasa pertama iaitu membangunkan budaya kecermerlangan aktiviti kesarjanaan, membangunkan pelajar secara holistik, memperkasa aktiviti akademik serta antarabangsa dan melestarikan sumber kewangan di semua peringkat pentadbiran.

Mohamed Mustafa turut mengajak semua warga UUM berganding bahu bagi mencapai wawasan universiti itu untuk menjadi sebuah universiti pengurusan terkemuka di dunia.



DR. MOHAMED